

PENGENALAN

Khidmat Pengesahan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (KPBDBP) ialah perkhidmatan untuk menyemak dan mengesahkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan, nama khas dan dokumen. KPBDBP dilaksanakan secara dalam talian melalui laman web www.prpm.dbp.gov.my, kunjungan/kaunter, faksimile dan e-mel.

TUJUAN

- Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan betul.
- Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

KHIDMAT PENGESAHAN YANG DITAWARKAN

- Penggunaan bahasa kebangsaan dalam visual iklan pada papan iklan luar, papan iklan premis perniagaan, gantung, kain rentang dan lain-lain.
- Penamaan bangunan, syarikat, kawasan perumahan, tempat awam, jalan dan lain-lain.
- Penggunaan bahasa kebangsaan dalam dokumen rasmi dan dokumen umum yang tidak melebihi 100 patah perkataan.
- Penyemakan teks terjemahan (bahasa Inggeris-bahasa Melayu) yang tidak melebihi 100 patah perkataan.

WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER


Hari Isnin – Khamis : 9.00 pagi – 12.30 tengah hari
: 2.30 petang – 4.30 petang

Hari Jumaat : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari
: 3.00 petang – 4.30 petang


Kecuali hari Sabtu, Ahad, dan hari Kelepasan Am.

KPBDBP DALAM TALIAN


Sila layari laman web www.prpm.dbp.gov.my dan klik menu “e-Perkhidmatan”.



Klik “Khidmat Pengesahan Bahasa DBP”




Skrin “Daftar Masuk” akan dipaparkan.




Pelanggan yang pertama kali berkunjung perlu mendaftar terlebih dahulu.

- Isikan maklumat yang diperlukan
- Setelah selesai, klik “Daftar”



Skrin “Pengesahan Pendaftaran” akan dipaparkan.




Sila penuhi ruangan yang disediakan untuk mengaktifkan akaun anda.

- Semak e-mel anda untuk mendapatkan “Kod Pengaktifan”
- Salin “Kod Pengaktifan” dan masukkan di ruang yang disediakan dan klik “Aktif”.


Sila klik menu “Permohonan” untuk menghantar permohonan.

- Pilih dan isikan maklumat yang diperlukan.
- Setelah selesai, klik “Daftar”



Sila klik menu “Permohonan” untuk mengetahui status permohonan anda .

- Bagi permohonan yang “TIDAK DISAHKAN”, sila buat pembetulan seperti yang dikehendaki dan hantar semula permohonan tersebut.
- Bagi permohonan yang “DISAHKAN”, sila klik pada “No. Pengesahan” untuk mencetak “Sijil Pengesahan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka”, seperti yang berikut:



KHIDMAT PENGESEHAN BAHASA

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Telefon

- 03-2148 5905/2916/5887/1960

Faksimile

- 03-2148 2014

E-mel

- akibah@dbp.gov.my
- rahimi@dbp.gov.my
- ayu@dbp.gov.my
- aishah3@dbp.gov.my

Surat-menyurat

- Ketua Bahagian,
Bahagian Penguatkuasaan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Aras 25, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.



DEWAN_BAHASA DAN PUSTAKA
<http://www.dbp.gov.my>